

**Biskop bimbang dengan kenyataan sultan**  
**Malaysiakini.com**  
**October 10,2011**  
**By Terence Netto**

Biskop Katolik Paul Tan Chee Ing menyifatkan kenyataan Sultan Selangor berhubung laporan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Selangor (JAIS) mengenai cubaan memurtadkan umat Islam oleh orang Kristian di Gereja Methodist Damansara Utama pada 3 Ogos lalu sebagai "kekaburan yang akan membuat tuduhan melampaui ke atas orang Kristian tidak lebih sukar pada masa hadapan berbanding sekarang."

NONE"Ampun Tuanku, bagaimana mungkin untuk mengatakan bahawa terdapat cubaan untuk memesongkan akidah umat Islam pada majlis makan malam di DUMC itu tetapi tidak ada bukti yang mencukupi bagi membuat pendakwaan," kata pemimpin agama Katolik dari bahagian Melaka-Johor, dalam reaksinya berhubung perkara itu.

"Jika bukti tidak mencukupi, sepatutnya tidak perlu ada sebarang dakwaan salah laku," kata Tan yang kini juga adalah presiden Persidangan Biskop Katolik Malaysia.

"Berdasarkan kenyataan sultan, penganjur majlis makan malam Kristian itu telah diberi pelepasan yang tidak menjamin pembebasan daripada tuduhan mereka memurtadkan umat Islam,.

"Saya lebih suka tiada kenyataan dikeluarkan sama sekali berbanding kenyataan yang tidak jelas," katanya.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd  
<http://www.malaysiakini.com/news/178241>